

PERSEPSI MAHASISWA TERHADAP PUSAT KAUNSELING & KERJAYA,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,  
SKUDAI, JOHOR.

MOHD FAMI BIN MOHD SAHID

Laporan ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Sarjana Pendidikan  
(Bimbingan dan Kaunseling)

FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

MEI 2009

## ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk melihat persepsi mahasiswa terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang terdapat di Pusat Kaunseling & Kerjaya (PKK), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai. Kajian yang dijalankan ini berbentuk tinjauan. Dalam kajian ini penyelidik telah menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan data. Sampel kajian adalah terdiri daripada pelajar-pelajar UTM iaitu seramai 150 orang pelajar. Set soal selidik ini mengandungi 36 item yang dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian A berkenaan latar belakang responden, bahagian B iaitu persepsi mahasiswa berkenaan pengetahuan terhadap Pusat Kaunseling & Kerjaya, bahagian C iaitu persepsi mahasiswa terhadap perkhidmatan di Pusat Kaunseling & Kerjaya dan bahagian D iaitu persepsi mahasiswa terhadap Pegawai Psikologi di Pusat Kaunseling & Kerjaya, UTM Skudai. Data yang diperolehi telah dianalisis secara deskriptif untuk mendapat nilai kekerapan, peratusan dan min menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) 12.0 for Windows*. Hasil kajian ini menunjukkan responden bersetuju dengan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang terdapat di Pusat Kaunseling & Kerjaya, UTM Skudai, dengan nilai min keseluruhan iaitu 3.74. Hasil kajian ini juga telah menunjukkan bahawa responden mengetahui bahawa terdapat Pusat Kaunseling & Kerjaya di UTM dengan nilai min keseluruhan bersetuju iaitu 3.72. Selain itu responden juga bersetuju dengan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang terdapat di PKK dengan nilai min keseluruhan 3.79. Responden juga turut bersetuju dengan perkhidmatan yang telah diberikan oleh Pegawai Psikologi yang terdapat di PKK dengan nilai min keseluruhan 3.71. Daripada kajian ini menunjukkan bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling merupakan satu elemen yang penting kepada golongan mahasiswa universiti terutama di UTM. Oleh itu dalam memberikan perkhidmatan ini kepada mahasiswa pelbagai cadangan telah dikemukakan dalam membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan di PKK ke arah merealisasikan misi dan visi UTM.

## ABSTRACT

The research aims to show students perceptions about Counselling and Career Centre services in Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai. The research method was survey by using questionnaire to collect the data from the respondents. A random respondents of 150 students were selected. A set of questionnaire containing 36 items divided into 4 parts. Part A : Respondent's background. Part B : Student's perceptions about knowledge on Counseling and Career Centre. Part C : Student's perceptions about Counselling and Career Centre services. Part D : Student's perceptions about Psychology Officers in Counselling and Career Centre. A set of questionnaire was distributed to the respondents and were analyzed descriptively to obtain the frequency, percentage and mean for each item using *Statistical Package for Social Science (SPSS) 12.0 for Windows*. It was found that the respondents agreed with the guidance and counselling services in Counselling and Career Centre. The total mean was 3.74. The result of the research showed that the respondents agreed about the knowledge on Counselling and Career Centre with the total mean of 3.72. The respondents also agreed about the services by the Counselling and Career Centre with the total mean of 3.79. The respondents agreed with the services given by Psychology Officers with the total mean was 3.71. As a conclusion the guidance and counseling services was important to the students of UTM. Therefore, in order to provide the services for students, variety of suggestions were given to improving the quality of services in Counselling and Career Centre towards realized the mission and vision of UTM.

## **KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	ii
	<b>HALAMAN PENGAKUAN</b>	iii
	<b>DEDIKASI</b>	iv
	<b>PENGHARGAAN</b>	v
	<b>ABSTRAK</b>	vii
	<b>ABSTRACT</b>	viii
	<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	ix
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvii
<b>BAB I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1	<b>Pengenalan</b>	1
1.2	<b>Latar Belakang Masalah</b>	8
1.3	<b>Penyataan Masalah</b>	10
1.4	<b>Objektif Kajian</b>	12
1.5	<b>Persoalan Kajian</b>	12
1.6	<b>Kepentingan Kajian</b>	13
1.7	<b>Batasan Kajian</b>	14
1.8	<b>Definisi Terminologi Konsep/ Istilah</b>	14
1.8.1	<b>Persepsi</b>	14
1.8.2	<b>Mahasiswa</b>	15

1.8.3	Pusat Kaunseling & Kerjaya	15
1.9	Rumusan	15

## **BAB II SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pengenalan	16
2.2	Model dan Teori Yang Mendasari Kajian	16
2.2.1	Model Pusat Bimbingan dan Kaunseling	18
2.2.2	Model Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling	20
2.3	Perkhidmatan Bimbingan & Kaunseling di PKK, UTM.	24
2.3.1	Visi PKK, UTM	25
2.3.2	Misi PKK, UTM	25
2.3.3	Moto PKK, UTM	26
2.3.4	Objektif PKK, UTM	26
2.3.5	Perkhidmatan dan Kemudahan Yang Disediakan	26
2.3.6	Bidang Utama PKK, UTM	27
2.4	Falsafah dan Prinsip Bimbingan & Kaunseling	28
2.5	Rasional Mengadakan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling	30
2.6	Bidang-bidang Bimbingan Kepada Mahasiswa	32
2.7	Kajian-kajian Lepas Tentang Perkhidmatan Kaunseling di Institusi Pengajian Tinggi	33
2.7.1	Kajian Dalam Negara	33
2.7.2	Kajian Luar Negara	39
2.8	Rumusan	45

## **BAB III METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	46
3.2	Rekabentuk Kajian	46
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	47

3.4	<b>Tempat Kajian</b>	47
3.5	<b>Instrumen Kajian</b>	48
3.5.1	<b>Pengumpulan Data Primer</b>	48
3.5.2	<b>Pengumpulan Data Sekunder</b>	50
3.6	<b>Analisis Data</b>	50
3.7	<b>Tatacara Kajian</b>	50
3.8	<b>Rumusan</b>	51

#### **BAB IV ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN**

4.1	<b>Pengenalan</b>	52
4.2	<b>Analisis Data</b>	52
4.3	<b>Analisis Bahagian A</b>	53
4.3.1	<b>Maklumat Bilangan dan Peratusan Mengikut Jantina</b>	53
4.3.2	<b>Maklumat Mengenai Bilangan dan Peratusan Mengikut Kaum</b>	54
4.3.3	<b>Maklumat Mengenai Bilangan dan Peratusan Agama</b>	54
4.3.4	<b>Maklumat Mengenai Bilangan dan Peratusan Latar Belakang Tahun Pengajian Responden di UTM</b>	55
4.3.5	<b>Maklumat Mengenai Bilangan dan Peratusan Mengikut Fakulti Responden</b>	56
4.3.6	<b>Maklumat Mengenai Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Kolej Kediaman</b>	57
4.4	<b>Analisis Skala (Bahagian B, C dan D)</b>	59
4.4.1	<b>Bahagian B - Jadual Mengenai Persepsi Mahasiswa Berkenaan Pengetahuan Terhadap PKK, UTM, Skudai.</b>	59
4.4.2	<b>Bahagian C - Jadual Mengenai Persepsi Mahasiswa Terhadap Perkhidmatan di PKK, UTM Skudai.</b>	65

4.4.3	Bahagian D - Jadual Untuk Mengetahui Persepsi Mahasiswa Terhadap Pegawai Psikologi di PKK UTM, Skudai.	72
4.5	Rumusan	78

**BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pendahuluan	79
5.2	Perbincangan	79
5.2.1	Latar Belakang Responden	80
5.2.2	Persepsi Mahasiswa Berkenaan Pengetahuan Terhadap Pusat Kaunseling & Kerjaya, UTM Skudai.	83
5.2.3	Persepsi Mahasiswa Terhadap Perkhidmatan di PKK, UTM Skudai.	85
5.2.4	Persepsi Mahasiswa Terhadap Pegawai Psikologi di PKK, UTM Skudai.	87
5.3	Rumusan Kajian	90
5.4	Cadangan	92
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	93
5.6	Kesimpulan	94

<b>RUJUKAN</b>	95
----------------	----

<b>LAMPIRAN</b>	97-101
-----------------	--------

## **SENARAI JADUAL**

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
1	Taburan Responden Berdasarkan Jantina	53
2	Taburan Responden Berdasarkan Kaum.	54
3	Taburan Responden Berdasarkan Agama	54
4	Taburan Responden Berdasarkan Tahun Pengajian di UTM.	55
5	Taburan Responden Berdasarkan Fakulti	56
6	Taburan Responden Kolej Kediaman	57
7	Bahagian B - Item B1	59
8	Item B2	59
9	Item B3	60
10	Item B4	61
11	Item B5	61
12	Item B6	62
13	Item B7	62
14	Item B8	63
15	Item B9	63
16	Item B10	64
17	Bahagian C - Item C1	65
18	Item C2	66
19	Item C3	66
20	Item C4	67
21	Item C5	67
22	Item C6	68
23	Item C7	69
24	Item C8	69

25	<b>Item C9</b>	70
26	<b>Item C10</b>	70
27	<b>Bahagian D - Item D1</b>	72
28	<b>Item D2</b>	72
29	<b>Item D3</b>	73
30	<b>Item D4</b>	74
31	<b>Item D5</b>	74
32	<b>Item D6</b>	75
33	<b>Item D7</b>	75
34	<b>Item D8</b>	76
35	<b>Item D9</b>	77
36	<b>Item D10</b>	77
37	<b>Taburan Min dan Persepsi Mahasiswa Berkенаan Pengetahuan Terhadap Pusat Kaunseling &amp; Kerjaya, UTM, Skudai,</b>	83
38	<b>Taburan Min dan Persepsi Mahasiswa Terhadap Perkhidmatan di Pusat Kaunseling &amp; Kerjaya, UTM, Skudai.</b>	85
39	<b>Taburan Min dan Persepsi Mahasiswa Terhadap Pegawai Psikologi di Pusat Kaunseling &amp; Kerjaya, UTM, Skudai.</b>	87

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
1	Ringkasan Teknik Pengukuran Afektif	17
2	Jenis Instrumen Kaedah Tinjauan	18
3	Model Untuk Universiti Besar	19
4	Model Untuk Universiti Sederhana	19
5	Model Untuk Universiti Kecil	20
6	Model Perkhidmatan Bimbingan & Kaunseling	21
7	Tanggungjawab Kaunseling dan Hubungannya Dengan Pelajar dan HEP	37

## SENARAI SINGKAT

<b>ASCA</b>	-	American School Counselor Association
<b>HEP</b>	-	Hal Ehwal Pelajar
<b>IPTA</b>	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
<b>IPTS</b>	-	Institut Pengajian Tinggi Swasta
<b>KKDK</b>	-	Kelab Kaunseling dan Kerjaya
<b>KS</b>	-	Kedudukan Bersyarat
<b>KS</b>	-	Kurang Setuju
<b>N</b>	-	Jumlah Responden
<b>PKK</b>	-	Pusat Kaunseling & Kerjaya
<b>PSZ</b>	-	Perpustakaan Sultanah Zanariah
<b>S</b>	-	Setuju
<b>S.A.W</b>	-	Sollallah 'Alaihi Wasallam
<b>SPSS</b>	-	Statistical Package of Social Sciences
<b>SS</b>	-	Sangat Setuju
<b>STS</b>	-	Sangat Tidak Setuju
<b>S.W.T</b>	-	Subhanahu Wa Ta'ala
<b>TS</b>	-	Tidak setuju
<b>UPSP</b>	-	Unit Perkhidmatan Sokongan Pelajar
<b>UTM</b>	-	Universiti Teknologi Malaysia

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
A	Borang Soal Selidik (Responden)	97

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Perkhidmatan bimbingan merupakan bukan perkara baru dalam masyarakat kita hari ini. Ianya telah mula wujud sejak zaman berzaman di mana bimbingan biasanya diberikan oleh orang yang lebih tua kepada anak-anak muda dalam keluarga atau masyarakat. Adalah satu perkara biasa bagi anak-anak muda mendapat bimbingan dan nasihat, panduan dan tunjuk ajar daripada orang yang lebih tua dan berpengalaman. Ianya merupakan salah satu aspek penting dalam proses pendidikan terutama dalam masyarakat Malaysia, namun proses perlaksanaan tidak begitu tersusun dan formal.

Mulai abad ke-20 ilmu bimbingan ini mula dilihat sebagai satu yang serius. Ini memandangkan dengan situasi semasa masyarakat yang semakin kompleks, telah timbul pelbagai isu dan masalah yang mana perlu dibantu secara teratur dan sistematik. Namun begitu dalam menerangkan perkara ini aspek penting yang perlu dilihat ialah maksud bimbingan dan kaunseling dari kaca mata para cendikawan dan ahli psikologi terkemuka.

Bimbingan atau *guidance* dalam bahasa Inggeris, membawa erti memberi panduan atau nasihat kepada seseorang. Menurut Crow dan Crow (1983) bimbingan di bawah konteks pendidikan merujuk kepada bantuan atau pertolongan yang diberikan dengan betul kepada pelajar yang berkenaan. Pelajar yang memerlukan bimbingan merujuk kepada pelajar yang mempunyai masalah peribadi dari segi intelek, rohani, emosi atau sosial (Mok Soon Sang, 2003: 1). Lazimnya masalah yang dihadapi oleh pelajar dapat dikategorikan kepada dua bahagian iaitu masalah akademik dan masalah emosi-sosial. Dalam proses bimbingan pelajar yang berkenaan akan diberi panduan atau nasihat yang boleh membantunya menyelesaikan masalah tertentu.

Manakala, kaunseling mengikut Shertzer dan Stone (1968), ialah proses interaksi yang membolehkan individu memahami diri dan suasinya. Menurut Avbuckle (1965), kaunseling bukan bertujuan menolong klien menyesuaikan diri dengan alam sosial, tetapi menolongnya memahami kelebihan dan kelemahannya, potensi dan keupayaannya. Patterson dan Eisenberg (1983) menghuraikan kaunseling sebagai proses pertemuan secara bersemuka di antara seorang kaunselor dengan kliennya yang membawa perubahan klien pada akhirnya (Mok Soon Sang, 2003: 1).

Secara kesimpulannya G. S. Belkin dalam bukunya *Practical Counseling in the Schools*, beliau menulis : Bimbingan merangkumi aspek-aspek orientasi, inventori, maklumat pendidikan dan kerjaya. Manakala, kaunseling merupakan penempatan dan perkhidmatan (Mok Soon Sang, 2003: 2). Berdasarkan maksud kaunseling ini dapatlah dirumuskan bahawa bimbingan lebih menekankan tentang mendidik individu mengarah kepada kesejahteraan hala tuju hidup mereka. Manakala kaunseling pula lebih menekankan tentang mengenalpasti kewibawaan diri mereka dan perkembangan sumber kendiri. Walau bagaimanapun perlu ditegaskan bahawa maksud bimbingan dan kaunseling adalah bersifat istimewa dalam menyelesaikan masalah manusia (Kamal Abd. Manaf, 2000: 2-3)

Sepertimana yang diketahui, pada asasnya perkhidmatan kaunseling berasal dari Amerika Syarikat. Amerika sebagai sebuah tamadun baru dunia banyak menyumbangkan kepada kemajuan perkhidmatan kaunseling. Masyarakat di sana percaya bahawa setiap individu mempunyai nilainya yang tersendiri. Mereka sentiasa memberi sokongan supaya setiap individu mampu berkembang mengikut kemampuannya.

Nama-nama terkenal seperti Jesse B. Davis, William R Harper, Eli Weaver, Frank Parson adalah merupakan individu yang banyak menyumbangkan jasa dalam perkhidmatan ini. Ideologi daripada nama-nama terkenal ini sentiasa subur dan berkembang sehingga hari ini.

Konsep dan teknik kaunseling moden berkembang hasil daripada pengaruh sosial, psikologi dan persekitaran. Interaksi di antara ketiga-tiga faktor ini menyediakan suasana yang subur untuk kemunculan dan perkembangan kaunseling. Antaranya ialah pengaruh daripada gerakan pembaharuan sosial akibat perkembangan yang pesat di abad ke -20 di Amerika Syarikat. Makmal-makmal psikologi dan pendekatan baru dalam psikologi kemanusian digunakan.

Di Malaysia juga telah berlaku berkembang dengan pesatnya aktiviti perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Ianya makin berkembang selepas mencapai kemerdekaan. Sosiolasi, politik dan ekonomi Malaysia sentiasa berubah dengan pesatnya. Proses urbanisasi dari desa ke kota dan dari perlombongan, perladangan mahupun pertanian bertukar menjadi industri. Keperluan yang drastik ini melahirkan pelbagai cabaran dalam bimbingan dan kaunseling. Keperluan aktiviti bimbingan ini merupakan keperluan dan kemestian kepada negara.

Sistem pendidikan juga turut terlibat dalam perkembangan bimbingan ini. Contohnya pada seawal tahun 60-an, banyak kelas-kelas bimbingan diwujudkan untuk membimbing pelajar-pelajar supaya berjaya di dalam pelajaran. Kegiatan panduan ini menjadi sangat penting bagaimana membantu pelajar-pelajar memilih kerja selepas persekolahan. Di peringkat Kementerian Pelajaran , pejabat pelajaran negeri, daerah dan sekolah sama-sama berganding bahu melibatkan diri dalam perkhidmatan panduan ini.

Seawal tahun 60-an Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) telah memperakukan terhadap perkhidmatan bimbingan ini di sekolah-sekolah di negara kita. Pada tahun 1962 – 1963 seorang pakar perunding dari Kanada telah datang ke Malaysia untuk memberikan latihan kepada pegawai-pegawai kanan pelajaran. Pegawai-pegawai kanan ini pula memberikan kursus-kursus kepada guru-guru untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah. Guru-guru yang mengikuti kursus ini akan menjadi kaunselor.

Di peringkat Universiti pula pada tahun 1981, beberapa universiti menawarkan program pengajian peringkat bacelor yang dikenali sebagai Bacelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling). Bimbingan dan Kaunseling kemudiannya terus berkembang sebagai satu bidang pengajian di universiti-universiti di Malaysia.

Melalui pekeliling pada tahun 1985, Pekeliling KP ( BS ) 8591 / Jld. 11 ( 29 ) Kementerian Pelajaran Malaysia mengarahkan sekolah-sekolah menujuhkan Jawatankuasa Bimbingan Pelajar Sekolah dan Pekeliling KP 1573 / 17 / Jld. 8 / ( 78 ) pula menegaskan adanya badan kewangan terhadap kegiatan Bimbingan dan Kaunseling. Pada tahun 1996 diperuntukkan supaya di setiap sekolah menengah mempunyai seorang kaunselor sepenuh masa. Manakala di sekolah rendah pula mempunyai seorang kaunselor sepenuh masa bermula tahun 2002.

Perkembangan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling telah berkembang dengan pesatnya. Lahirnya kaunselor-kaunselor yang diiktiraf dan berkelayakan sehingga wujudnya Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA) yang didaftarkan pada tahun 1989. Tujuan -tujuan professional PERKAMA ialah ;

- Memajukan amalan kaunseling secara professional
- Menggalak dan membantu penyelidikan dalam kaunseling.
- Menggalak pertumbuhan ilmu pengetahuan, kefahaman dan penerimaan kaunseling dalam konteks pelbagai budaya di Malaysia.
- Memajukan perkembangan professional ahli-ahlinya.
- Memperteguhkan identiti, harmoni, dan kerjasama di kalangan ahli-ahli yang terdiri dari pelbagai disiplin melalui perkongsian maklumat dan pengalaman.

Dengan adanya PERKAMA bermakna profesion kaunselor telah diiktiraf setanding dengan profesion-profesion yang lain. Akhirnya pada tahun 1998, Akta Kaunseling telah diluluskan oleh kerajaan dan diwartakan pada 1 Disember 1998.

Matlamat perkhidmatan bimbingan dan kaunseling adalah untuk membangunkan potensi manusia ke arah kecemerlangan dari aspek keilmuan, sahsiah, kemanusiaan dan berwawasan bagi melahirkan sebuah masyarakat yang berdaya maju serta mampu bersaing dalam dunia antarabangsa untuk merealisasikan matlamat Falsafah Pendidikan Negara, Wawasan 2020, Wawasan Pendidikan yang berteraskan konsep ‘Zero Defect’.

Seiain itu juga matlamat utama bimbingan dan kaunseling ialah memberi bimbingan dan saranan penyelesaian supaya pelajar dapat menggunakan nasihat dan hasil saranan perbincangan dengan kaunselornya untuk menyelesaikan masalah peribadi, pembelajaran atau kerjaya yang dihadapinya melalui usaha diri sendiri (Mok Soon Sang,

2003: 6). Matlamat bimbingan dan kaunseling juga membantu meyelesaikan masalah, kembangkan kefahaman dan celik akal, mengubah ke arah tingkah laku positif, membuat keputusan secara bijak dan sebagainya.

Menurut pandangan Imam al-Ghazali terdapat beberapa matlamat tertentu dalam memberi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Antaranya memperkembangkan personaliti individu ke arah yang positif untuk menyelesaikan kerumitan-kerumitan dengan berkesan dalam kehidupan. Membantu individu menyesuaikan dirinya dengan masyarakat dan menuruti masyarakat melalui perkembangan konsep kendiri. Membantu klien memahami diri sendiri dan menyesuaikan dirinya dengan persekitaran serta orang lain. Tegasnya matlamat kaunseling adalah untuk membentuk individu ke arah kekamilan yang kemudian dapat hidup bersama-sama masyarakat dengan kehidupan yang sederhana.

Membekalkan pengalaman-pengalaman baru yang dapat mewujudkan peluang-peluang kepada klien supaya mereka memahami perbezaan diri mereka dengan kehidupan, perbezaan untuk menimba pengalaman, dengan menyatakan perasaan-perasaan mereka dan berkelakuan dengan cara-cara yang baru untuk mendapat pengalaman tersebut. Kesemua pengalaman baru ini akan dapat dirasai melalui perhubungan yang terjalin antara kaunselor dengan kliennya. Dalam Islam, matlamat terakhir seseorang insan adalah untuk berjaya menjadi khalifah Allah S.W.T Yang Maha Pencipta di bumi ini dan beribadah kepadaNya. Seseorang mesti memahami matlamat khusus yang terakhir ini. Pandangan daripada perspektif Islam terhadap manusia adalah sangat jelas di dalam al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w (Kamal Abd. Manaf, 2000: 55).

Hasrat negara untuk melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang secara total memerlukan pemerhatian, pemantauan dan tindakan susulan secara teliti dan langsung

kepada individu dan kelompok demi memupuk nilai-nilai yang diharapkan. Ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara :

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”

Aktiviti dan program dalam tindakan susulan perlu dilaksanakan mengikut keperluan untuk membentuk rakyat Malaysia sepetimana yang dihasratkan. Segala bentuk program yang terancang perlu dilakukan secara berterusan sehingga matlamat pendidikan negara tercapai iaitu pelajar sedar akan keperluan dan matlamat diri dan berubah kepada tingkahlaku yang dihasratkan oleh masyarakat dan negara.

Dalam usaha ini, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di institusi pendidikan merupakan salah satu elemen penting yang perlu dilaksanakan dengan serius, terancang, komprehensif dan menyeluruh oleh semua pegawai yang diberi tanggungjawab secara lansung untuk memperkembangkan potensi pelajar secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu dalam aspek kerohanian, jasmani, emosi, intelek, sosial, akhlak dan estetika. Untuk mencapai hasrat ini kaunselor terlatih dan profesional yang secukupnya mestilah ada. Kaunselor terlatih dan profesional ini dapat membimbing serta menggerakkan generasi pelajar masa kini ke arah pencapaian matlamat negara sepetimana yang di harapkan.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Matlamat perkhidmatan bimbingan dan kaunseling iaitu membangunkan potensi manusia ke arah kecemerlangan dari aspek keilmuan, sahsiah, kemanusiaan dan berwawasan bagi melahirkan sebuah masyarakat yang berdaya maju serta mampu bersaing dalam dunia antarabangsa. Untuk merealisasikan matlamat ini sebuah unit bimbingan dan kaunseling telah diwujudkan di setiap Instituti Pengajian Tinggi Awam / Swasta (IPTA/S). Antara peranan penting yang dimainkan oleh unit ini adalah untuk membangun dan memperkembangkan potensi manusia terutama golongan mahasiswa. Potensi yang ingin dibangunkan ini merujuk kepada bidang akademik, emosi-sosial, kerjaya dan sebagainya.

Di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebuah unit bimbingan dan kaunseling telah diwujudkan iaitu dikenali sebagai Pusat Kaunseling & Kerjaya (PKK). Sebelum ditukar nama kepada PKK ia dikenali sebagai Unit Perkhidmatan Sokongan Pelajar (UPSP). Unit ini telah ditubuhkan secara rasminya pada tahun 1992. Kemudiannya UPSP telah dinaik taraf kepada PKK pada 21 Januari 2004 dan mempunyai bangunan sendiri yang terletak di Kolej Tunku Canselor (KTC), UTM, Skudai serta di UTM *International Campus*, Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Perubahan yang berlaku ini sesuai dengan keperluan semasa Pendidikan Tinggi Negara yang mementingkan aspek bimbingan dan kaunseling, pembangunan sahsiah diri, serta kemahiran generik yang perlu ditingkatkan dan dikuasi oleh mahasiswa. PKK merupakan salah satu pusat perkhidmatan pelajar yang turut memainkan peranan utama iaitu merealisasikan hasrat UTM ke arah universiti bertaraf dunia menjelang 2010.

Dalam usaha menjadikan UTM ke arah universiti bertaraf dunia menjelang 2010 pelbagai usaha dan cabaran perlu dilalui. Antaranya aspek pembangunan sahsiah diri golongan mahasiswa. Dewasa ini kalau kita dapat lihat senario yang berlaku di kampus

amat berbeza pada 10 atau 20 tahun yang lalu. Kalau dulu mahasiswa lebih menitik beratkan tentang akademik, perhubungan sosial yang baik dan sebagainya namun pada hari ini ianya tidak berlaku. Ini kerana dalam era globalisasi yang disebut dunia tanpa sempadan golongan mahasiswa telah didedahkan dengan ideologi yang berbentuk hedonisme atau ideologi yang berbentuk hiburan dan keseronokan semata-mata. Perubahan ini berlaku dengan cepat dan ini ditambah dengan kecanggihan alat-alat telekomunikasi seperti internet, telefon bimbit yang pelbagai versi serta banyak lagi. Dengan kecanggihan alat-alat teknologi ini segala maklumat boleh dimuat turun dengan mudah iaitu dengan hanya menekan di hujung jari sahaja.

Perkara ini seharusnya menjadi kebimbangan kepada kita semua. Apabila mahasiswa leka dengan keseronokan melayari internet serta sibuk dengan telefon bimbit mereka lupa tanggungjawab sebenar mereka berada di universiti akhirnya segala benda akan terabai. Sekiranya masalah ini tidak dibendung ia akan membawa kepada gejala-gejala negetif seperti ketagihan melayari laman web lucah, mencari pasangan (*couple*), berzina, mencuri dan sebagainya. Ini merupakan kesan-kesan yang berlaku di samping terdapat kesan-kesan lain seperti tugas-tugas tidak dapat disiapkan, plagiat, mendapat keputusan rendah dalam peperiksaan, kedudukan bersyarat (KS), ulang matapelajaran (UM) dan sebagainya.

Pada akhir pengajian mahasiswa, mereka dilanda perasaan bimbang dan takut sekiranya masa depan mereka tidak terjamin kerana memikirkan tentang peluang untuk mendapatkan pekerjaan. Tambahan pula dewasa ini ekonomi dunia yang tidak stabil dan kita sering mendengar banyak kilang-kilang atau syarikat yang mula membuang pekerja akibat tidak cukup kos untuk menampung gaji pekerjanya. Pada masa ini baru mahasiswa sedar untuk mendapatkan khidmat bimbingan dan kaunseling serta maklumat tentang kerjaya. Senario ini sebenarnya yang berlaku di UTM berdasarkan pemerhatian penyelidik dimana kebanyakkan mereka yang datang di PKK terdiri dari pelajar-pelajar tahun akhir.

Keadaan ini menunjukkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling amat perlu kepada golongan pelajar terutama mahasiswa di IPT. Di UTM khususnya peranan PKK diperlukan untuk membantu para pelajar mencari jalan penyelesaian serta alternatif dalam proses tolol bantu menyelesaikan masalah yang dihadapi pelajar. Di samping merancang program-program pembangunan pelajar dari segi akademik, emosi-sosial, imej diri, kerjaya dan sebagainya. Dengan adanya program-program seperti ini diharapkan dapat membantu para pelajar mendapat celik akal peranan mereka berada di universiti.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling merupakan satu keperluan kepada mahasiswa di IPT. Ini kerana di dalam cabang perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terangkum perkara-perkara yang berkaitan tentang akademik, peribadi, emosi, kerjaya , keluarga dan sebagainya. Dewasa ini kita tidak dapat lari dari dilanda pelbagai masalah dan ini termasuklah golongan mahasiswa di IPT. Antara masalah yang biasa dialami oleh mahasiswa seperti akademik, emosi, kerjaya dan sebagainya. Maka di sinilah peranan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk membantu dalam mencari jalan penyelesaiannya.

Namun begitu berdasarkan kajian dan pemerhatian didapati ramai pelajar yang tidak mengetahui fungsi unit bimbingan dan kaunseling yang terdapat di IPT. Sebagai contoh berdasarkan kajian lepas (Mazlina Binti Mohamad, 2002: 68) menyatakan bahawa terdapat segelintir pelajar yang masih tidak tahu peranan UPSP di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Ini dapat dilihat dalam kajian beliau item bahagian A yang mendapati hanya seramai 51 orang (34%) sahaja yang pernah mendapatkan

perkhidmatan UPSP dan bakinya iaitu seramai 99 orang (66%) subjek lagi tidak pernah mendapatkan perkhidmatan UPSP.

Keadaan yang sama juga turut berlaku di Pusat Kaunselin & Kerjaya (PKK), UTM, Skudai, Johor pada hari ini. Walaupun kajian pernah dibuat di unit ini sejak tahun 2002 yang lalu yang mana sebelumnya dikenali sebagai UPSP. Berdasarkan pemerhatian penyelidik yang merupakan Pelajar Praktikum di PKK bermula 5 Januari 2009 yang lalu mendapati bahawa kebanyakkan pelajar kurang mengendahkan perkhidmatan yang terdapat di PKK. Hanya segelintir pelajar sahaja yang mengambil berat tentang perkhidmatan yang disediakan di PKK. Kebanyakkan mereka yang datang ke PKK adalah dikalangan mereka yang berada di tahun akhir.

Berdasarkan senario yang berlaku ini telah mendorong penyelidik untuk menjalankan kajian bagi melihat persepsi mahasiswa terhadap Pusat Kaunseling & Kerjaya, UTM. Malalui maklumat yang diperolehi dari hasil kajian ini boleh dijadikan panduan untuk merancang serta menyusun strategi dalam usaha menarik minat mahasiswa untuk melibatkan diri dengan PKK, UTM. Hubungan yang erat ini sangat penting ke arah mengembangkan potensi pelajar dalam bidang akademik, emosi, personaliti diri, kerjaya dan sebagainya.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk:

- 1) Mengetahui persepsi mahasiswa berkenaan pengetahuan terhadap Pusat Kaunseling & Kerjaya, UTM Skudai.
- 2) Mengetahui persepsi mahasiswa terhadap perkhidmatan di Pusat Kaunseling & Kerjaya, UTM Skudai.
- 3) Mengetahui persepsi mahasiswa terhadap Pegawai Psikologi di Pusat Kaunseling & Kerjaya, UTM Skudai.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

1. Apakah persepsi mahasiswa berkenaan pengetahuan terhadap Pusat Kaunseling & Kerjaya, UTM Skudai.
2. Apakah persepsi mahasiswa terhadap perkhidmatan di Pusat Kaunseling & Kerjaya, UTM Skudai.
3. Apakah persepsi pelajar terhadap Pegawai Psikologi di Pusat Kaunseling & Kerjaya, UTM Skudai.

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Terdapat beberapa kepentingan daripada kajian yang telah dijalankan ini, antaranya :

- 1) Memberi maklumat kepada Majlis Kaunselor Universiti Malaysia (MAKUM) senario perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang berlaku di IPT di Malaysia. Tujuannya agar MAKUM dapat merancang program-program bimbingan dan kaunseling secara berkesan dan efektif di ke semua IPT di Malaysia.
- 2) Memperbaiki mutu perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di IPT khususnya di PKK, UTM, Skudai, Johor dalam mencari kaedah yang lebih berkesan dan sistematik untuk keselesaan dan kepuasan pelajar atau individu lain yang menggunakan perkhidmatan ini.
- 3) Merancang strategi dalam proses tolong bantu kepada mahasiswa sama ada dalam bidang akademik, perkembangan emosi, personaliti, kerjaya dan sebagainya.
- 4) Menyedarkan mahasiswa bahawa terdapat saluran dalam membantu mereka yang mengalami sebarang masalah sama ada dalam bidang akademik, perkembangan emosi, personaliti, kerjaya dan sebagainya.

- 5) Kajian ini juga boleh dijadikan panduan atau rujukan pengkaji-pengkaji lain yang berminat untuk melihat persepsi pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di IPT lain dalam usaha memperbaiki mutu perkhidmatan yang sedia ada.

## **1.7 Batasan Kajian**

Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau tentang persepsi mahasiswa terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di PKK, UTM, Skudai, Johor. Oleh itu kajian ini bukan merupakan kajian yang menyeluruh tetapi hanya menumpukan kepada persepsi mahasiswa terhadap perkhidmatan di PKK sama ada positif atau sebaliknya. Kajian ini hanya dijalankan di UTM, Skudai, Johor dan sampel kajian adalah seramai 150 orang pelajar yang dipilih secara sukarela di kolej-kolej kediaman pelajar.

## **1.8 Definisi Terminologi Konsep / Istilah**

### **1.8.1 Persepsi**

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, persepsi ialah gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan (menerusi pancaindera), tanggapan (Hjh. Noresah Bt. Baharom *et. al* dalam Kamus Dewan Edisi Ketiga, 2002 : 1025).

Persepsi di sini merujuk kepada tanggapan mahasiswa terhadap Pusat Kaunseling & Kerjaya, UTM, Skudai.

#### **1.8.2 Mahasiswa**

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, mahasiswa ialah pelajar (penuntut) di universiti (Hjh. Noresah Bt. Baharom *et. al* dalam Kamus Dewan Edisi Ketiga, 2002 : 841). Mahasiswa di sini merujuk kepada pelajar-pelajar di UTM, Skudai.

#### **1.8.3 Pusat Kaunseling & Kerjaya**

Pusat Kaunseling & Kerjaya (PKK) merupakan nama baru bagi Unit Perkhidmatan Sokongan Pelajar (UPSP) yang telah dinaiktaraf pada 21 Januari 2004. PKK di sini merujuk kepada sebuah unit bimbingan dan kaunseling di UTM.

### **1.9 Rumusan**

Secara kesimpulannya di dalam bab ini kita dapat lihat gambaran secara umum tentang kajian yang akan dijalankan yang mana merangkumi aspek pengenalan, latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, serta definisi terminologi konsep atau istilah yang digunakan dalam kajian. Untuk mendalami kajian ini, huraiannya secara terperinci dapat dilihat pada bahagian yang kedua pada bab sorotan kajian.

## 5.6 Kesimpulan

Secara konklusinya, kajian ini menunjukkan mahasiswa memberikan persepsi yang positif terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang terdapat di Pusat Kaunseling dan Kerjaya UTM, Skudai. Persepsi ini termasuklah pengetahuan mereka terhadap PKK, perkhidmatan yang disediakan dan pandangan mereka terhadap perkhidmatan yang telah diberikan oleh Pegawai Psikologi di PKK. Persepsi ini telah menunjukkan bahawa peranan yang telah dimainkan oleh PKK memberi impak yang positif terhadap pembangunan akademik, emosi, sosial, kerjaya dan sebagainya. Dengan adanya PKK ini menjadikan ia tempat rujukan golongan mahasiswa dalam berkongsi sebarang masalah sebagai alternatif mengembangkan potensi diri serta menyesuaikan diri dengan masalah yang dihadapi. Di samping itu, ia juga berperanan dalam memberi suntikan semangat untuk mereka terus maju di dalam bidang pendidikan dan kerjaya yang bakal mereka tempuh kelak. Hasilnya akan lahir graduan yang berjaya dan dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara. Inilah yang menjadi pegangan warga Universiti Teknologi Malaysia, Kerana Tuhan Untuk Manusia.

## **RUJUKAN**

- Abdullah B. Yusof (1999). *Sikap Dan Persepsi Pelajar Tingkatan Empat Terhadap Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Di Tiga Buah Sekolah Menengah Daerah Kulai, Johor*. Skudai, Johor : UTM. PSM, 24-74.
- Azizi Yahya et. al (2007), *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn Bhd
- Gan Han Hua (1995). *Tinjauan Awalan Persepsi Pelajar-Pelajar Politeknik Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling*. Skudai, Johor : UTM. PSM, 6-68.
- Gerald Corey (2005), *Theory And Practice Of Counseling & Psychotherapy*, Belmont, USA : Brook/Cole – Thomsan Learning.
- Hjh. Noresah Bt. Baharom (2002). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. Edisi Ketiga.
- Kamal Abd. Manaf (1998), *Masalah dan Penyelesaian dalam Kaunseling Islam 2*, Cheras, Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd
- Kamal Abd. Manaf (2000), *Kaunseling Islam Satu Alternatif Baru Di Malaysia*, Cheras, Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd
- Leman B. Yaakop (2003). *Sikap Pelajar Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Menengah Teknik Perdagangan Johor Bahru, Johor. Satu Kajian Kes*. Skudai, Johor : UTM. PSM, 10-13.
- Maimon Bt. Mohamad (1999). *Persepsi Pelajar Terhadap Peranan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Di Sek. Men. (A) Al-Falah Kemaman, Terengganu (Satu Tinjauan)*. Skudai, Johor : UTM. PSM, 15–48.
- Mazlina Bt. Mohamad (2002). *Sikap Pelajar Tahun Empat Terhadap Unit Perkhidmatan Sokongan Pelajar*, UTM, Skudai Johor. Skudai, Johor : UTM. PSM, 4-80.
- Michael S. Nystul (2006), *Introduction to Counseling An Art and Science Perspective*, United States, America : Pearson Education, Inc.
- Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip et. al (2009), *Kemahiran Bimbingan dan Kaunseling*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn Bhd

- Mohd Fami B. Mohd Sahid (2007). *Agihan Zakat Kepada Asnaf Fisabilillah, Satu Kajian Di Unit Zakat Masjid Sultan Ismail, UTM, Skudai.* Skudai, Johor : UTM. PSM, 1-92.**
- Mohd. Najib Abd. Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan.* Skudai, Johor : Universiti Teknologi Malaysia.**
- Mok Soon Sang (2003), *Bimbingan dan Kaunseling.* Subang Jaya, Selangor : Kumpulan Budiman Sdn Bhd.**
- Noraini Ahmad (2003), *Konsep dan Amalan Kaunseling.* Cheras, Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd**
- Nurain Bt. Hj. Saripan (2007), *Faktor-faktor Mempengaruhi Tingkah Laku Vandalisme Di Kalangan Remaja Sekolah Menengah Satu Kajian Kes Di Daerah Alor Gajah, Melaka.* Skudai, Johor : UTM. PSM, 1-102.**
- Resemary A. Thompson (2003), *Counseling Techniques,* New York : Brunner – Routledge**
- Shemila Elaine Ambrose (2002). *Sikap Kaunselor Sepenuh Masa Terhadap Isu-isu Penting Dalam Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling.* Skudai, Johor : UTM. PSM, 19-24.**
- Siti Hawanis Bt. Harun (2002). *Tinjauan Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) Terengganu,* Skudai, Johor : UTM. PSM, 7-69.**
- Suradi Salim (1996), *Bimbingan dan Kaunseling,* Cheras, Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd**
- Universiti Teknologi Malaysia (2002). *Panduan Menulis Tesis dan Salinan E-Thesis.* Skudai, Johor : UTM.**
- Vivakanandan A/L Sinnathamby (1999). *Persepsi Pelajar dan Guru-guru Terhadap Kaunselor Dalam Menjalankan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sebuah Sekolah Menengah Di Melaka,* Skudai, Johor : UTM. PSM, 20-25.**